



## **TEKS UCAPAN**

**YB DATO' SRI ISMAIL SABRI BIN YAAKOB  
MENTERI KEMAJUAN LUAR BANDAR DAN WILAYAH**

### **SEMPENA**

**PERASMIAN PEJABAT RISDA NEGERI JOHOR DAN  
MENANDATANGANI MoU ANTARA  
RISDA DAN LEMBAGA PERINDUSTRIAN NANAS MALAYSIA  
(LPNM)**

**PEJABAT RISDA NEGERI JOHOR**

**16 JANUARI 2017, ISNIN  
WAKTU KETIBAAN : 10.00 PAGI**

## **Salutasi**

Yang Berusaha Saudara Pengerusi Majlis

Yang Berhormat Tan Sri Datuk Haji Mohamad Aziz  
Speaker DUN Johor merangkap Ahli Pihak Berkuasa RISDA

Yang Berhormat Datuk IR. Haji Hasni Bin Haji Mohammad Exco Kerja Raya,  
Kemajuan Luar Bandar & Wilayah Negeri Johor

Yang Berbahagia Dato' Azizan bin Mohamad Sidin Timbalan Ketua Setiausaha  
(Dasar) KKLW

Yang Berbahagia Tn. Hj. Mohd Najib bin A. Samad  
Ketua Pengarah RISDA  
Yang Berbahagia Tn. Hj. Haji Sahdan bin Salim  
Ketua Pengarah Lembaga Perindustrian Nanas Malaysia

Ahli – Ahli Pihak Berkuasa RISDA

Pengerusi – Pengerusi Syarikat Milikan RISDA

Ketua – Ketua Jabatan / Agensi KKLW dan Negeri Johor

Pekebun – Pekebun Kecil , Pegawai Seranta RISDA

Rakan – Rakan Media

Seterusnya Tuan-tuan dan Puan-puan yang dirahmati Allah sekalian

Assalamualaikum W.B.T., Salam Sejahtera dan Salam Sehati Sejiwa,

Para hadirin, yang saya kasihi sekalian,

## **PENDAHULUAN**

1. Terlebih dahulu, marilah kita sama-sama mengucapkan rasa syukur ke hadrat Allah S.W.T. atas perkenan dan izin-Nya dapat kita berhimpun dalam 'Majlis Perasmian Pejabat Risdan Negeri Johor dan Menandatangani Mou Antara RISDA dan Lembaga Perindustrian Nanas Malaysia (LPNM) pada hari ini. Saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada pengurusan RISDA yang telah sudi menjemput saya dan seterusnya merasmikan majlis yang cukup sinonim dengan pembangunan masyarakat luar bandar. Syabas diucapkan kepada Pengurusan

RISDA dan LPNM yang bekerjasama merealisasikan perjanjian persefahaman yang akan kita saksikan sebentar nanti.

Sidang hadirin yang saya kasihi,

### **SENARIO 2016**

2. Di kesempatan ini, saya merakamkan ucapan tahniah kepada pengurusan RISDA atas usaha keras yang ditunjukkan sepanjang tahun 2016 untuk memastikan pekebun kecil terus menikmati kesejahteraan. Semua peruntukan yang disediakan oleh Kerajaan melalui RISDA sebanyak RM 393 juta telah dibelanjakan untuk Projek Tanam Semula Getah, Program Peningkatan Pendapatan dan Keusahawanan. Seramai 315,000 orang pekebun kecil telah menerima manfaat daripada program-program pembangunan yang telah dianjurkan RISDA. Selain itu, bagi menangani kejatuhan harga getah, pada tahun 2016 KKLW melalui RISDA telah mengambil inisiatif untuk melaksanakan :

- i. Bantuan Khas Kejatuhan Harga Getah (BKKH) dengan peruntukan sebanyak RM 194 juta
- ii. Penanguhan Kutipan Wang Ses

### **HALA TUJU 2017**

3. Tahun 2017 merupakan permulaan yang baik bagi pekebun kecil kerana harga getah telah meningkat sehingga RM 4.70/kg bagi *cuplump*. Saya pasti rata-rata pekebun kecil menarik nafas lega di atas kenaikan harga getah ini. Walau bagaimanapun, harga komoditi getah pasti akan ada pasang surutnya, jadi program – program meningkatkan pendapatan seperti :

- i. Perusahaan madu kelulut,
- ii. Perusahaan cendawan tiram,
- iii. Penanaman nanas dan pisang

akan terus dilaksanakan dengan lebih agresif pada tahun ini agar ekonomi pekebun kecil terus makmur. Saya telah menetapkan semua aktiviti ekonomi tambahan perlu meraih pendapatan sekurang-kurangnya RM500 sebulan. Saya difahamkan RISDA memperuntukkan RM27 juta pada tahun ini untuk Aktiviti Ekonomi Tambahan dan Keusahawanan kepada pekebun kecil. Saya harap dalam situasi harga yang baik ini pekebun kecil akan terus memantapkan amalan pertanian baik bagi meningkatkan produktiviti kebun dan meneruskan program – program meningkatkan pendapatan melalui aktiviti keusahawanan.

### **NBOS ANTARA AGENSI : PELAKSANAAN PROGRAM EFISYEN**

4. Pada tahun ini juga, projek atau program *touch point* akan diberi penekanan supaya masyarakat luar bandar dapat memperoleh manfaat dengan lebih cepat meliputi projek–projek dari segi prasarana, ekonomi dan pendidikan. Bagi memastikan program–program dapat dilaksanakan secara efisien sesetengahnya

boleh dilaksanakan secara Strategi Lautan Biru Kebangsaan (NBOS) seperti yang kita saksikan pada hari ini kerjasama RISDA dan LPNM melalui penanaman nanas. Terdahulu kita telah melaksanakan penanaman nanas jenis Josapine, Moris dan Gandul. Pada tahun ini saya difahamkan LPNM akan memperkenalkan Nanas jenis MD2 yang akan dilaksanakan secara integrasi. Melalui perjanjian ini RISDA akan mengenalpasti peserta dari kalangan pekebun kecil yang menanam Semula Getah ke Getah secara Integrasi. Manakala LPNM akan menguruskan bekalan sebanyak 10,000 sulur nanas/ekar dengan keluasan minimum 2.5 ekar atau maksimum 15 ekar/peserta. Nanas jenis MD2 berasal dari Hawaii dan dibawa masuk ke Malaysia pada tahun 2008. Rasanya lebih manis dari nanas jenis biasa dan amat disukai oleh semua lapisan masyarakat. Nanas ini tahan lasak dan tidak mudah rosak. Ia mengandungi Vitamin C 4 kali lebih tinggi dari nanas biasa. Harga pasaran Nanas MD2 boleh mencecah RM3.50 sekilo dan pekebun kecil boleh memperoleh pendapatan purata sebanyak RM6,000 sehektar. Saya yakin dengan pasaran Nanas MD2 yang laris di pasaran tempatan mahupun antarabangsa pekebun kecil akan mendapat hasil yang terbaik dari perusahaan ini. Adalah diharapkan dengan MoU ini kedua-dua-dua agensi dapat menyediakan perkhidmatan yang profesional selaras dengan hasrat KKLW agar golongan B40 memperoleh manfaat dan berjaya meningkatkan pendapatan.

Sidang hadirin yang saya kasihi,

## **PERASMIAN PEJABAT RISDA NEGERI JOHOR**

5. RISDA sebuah badan berkanun yang diberi tanggungjawab khusus untuk menjaga pekebun kecil. Hampir 500,000 pekebun dan penoreh bernaung di bawah RISDA dan wajarlah RISDA memiliki sejumlah Pusat Tanggungjawab yang terdapat di setiap negeri, daerah mahupun stesen di seluruh Malaysia. Kejayaan ini menunjukkan kemampuan RISDA yang sentiasa memberikan perkhidmatan yang terbaik kepada masyarakat pekebun kecil. Saya percaya usaha RISDA melalui penubuhan pusat tanggungjawab khususnya di Pejabat RISDA Negeri Johor ini memudahkan pekebun kecil mendapatkan maklumat mengenai Program-program RISDA seperti Bantuan Tanam Semula, Program Pengembangan, Keusahawanan, Prasarana dan sebagainya.

## **PENUTUP**

6. Akhir kata, sekali lagi saya merakamkan tahniah dan syabas kepada RISDA yang telah berjaya menjadi sebuah agensi yang komited dalam membangunkan masyarakat pekebun kecil. Semoga Majlis ini memberi manfaat yang sepenuhnya kepada masyarakat pekebun kecil untuk lebih maju lagi di masa hadapan. Saya

mendoakan agar usaha murni ini dapat meningkatkan taraf hidup masyarakat pekebun kecil.

Dengan ucapan tersebut dan dengan lafaz 'Bismillahirrahmanirrahim', saya dengan ini merasmikan 'Bangunan Pejabat RISDA Negeri Johor dan Majlis MoU RISDA - LPNM 2017"

Sekian. Wabillahi Taufik Walhidayah, wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh  
Terima kasih.